

Oleh Suliaty Asri  
suliaty@hmetro.com.my

**Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)** sekali lagi membuktikan keupayaannya sebagai peneraju Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara apabila dipertanggungjawab mengemudi inisiatif terbaharu TVET Negara 2025 dalam bidang kecerdasan buatan (AI) dan keselamatan siber.

Amanah besar itu dimeterai secara rasmi menerusi pelancaran Fakulti Kecerdasan Buatan dan Keselamatan Siber (FAIX) UTeM yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena Majlis Perasmian Hari

# TERAJUI TVET AI

UTeM zahir peranan besar dalam jaquakan aspirasi TVET Negara menerusi FAIX



Penubuhan FAIX turut memperkuuh kepentingan AI Gunaan (Applied AI) yang merentas pelbagai disiplin termasuk

kejuruteraan, perniagaan, automasi dan sistem pintar

**DR MASSILA**

TVET Negara 2025 yang berlangsung di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), baru-baru ini.

Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Dr Massila Kamalrudin berkata, universiti berkenaan sentiasa komited dan menzahirkan peranan besar dalam menjayakan aspirasi TVET Negara menerusi FAIX.

Menurutnya, peranan UTeM bukan hanya tertumpu dalam menjayakan inisiatif

terbaharu TVET Negara dalam aspek akademik, penyelidikan dan inovasi dalam bidang AI dan keselamatan siber semata-mata, malah lebih dari itu.

"UTeM juga akan menjadi tunjang Malaysia dalam menyediakan tenaga kerja profesional mahir dalam bidang ini berasaskan teknologi melalui pendekatan TVET yang komprehensif dan adaptif."

"Penubuhan FAIX turut memperkuuh kepentingan AI Gunaan (Applied AI) yang merentas pelbagai disiplin

termasuk kejuruteraan, perniagaan, automasi dan sistem pintar.

"Pendekatan rentas disiplin ini adalah kunci dalam menyediakan penyelesaian teknologi yang menyeluruh, mapan dan bernilai tinggi kepada industri dan negara," katanya..

Dr Masilla berkata, dalam era digital ini, AI dan keselamatan siber kini menjadi satu keperluan.

Justeru, menurutnya, FAIX berperanan sebagai pusat rujukan kebangsaan

dan hab penyelidikan serta inovasi AI Gunaan dan keselamatan siber selari dengan keperluan industri serta aspirasi Malaysia Madani.

"Pelancaran FAIX ini menandakan komitmen UTeM menjadi perintis dalam pembangunan modal insan TVET berteknologi tinggi dan menjadi institusi pendidikan tinggi teknikal yang relevan, responsif dan proaktif dalam menghadapi masa depan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai operasi fizikal

FAIX kata Dr Massila, sehingga kini FAIX mempunyai 13 makmal dengan kelengkapan bertaraf dunia yang membolehkan pelajar dan penyelidik meneroka teknologi canggih dalam persekitaran kondusif serta berdaya saing.

"Dijangka 1,040 pelajar tempatan menjadi kumpulan perintis pertama pada kemasukan Oktober depan menjadikan permulaan yang signifikan kepada pengoperasian rasmi fakulti ini," katanya.